

**PENTERJEMAHAN METAFORA DALAM *RENTUNG* DAN
SRENGENGE: SATU ANALISIS HASIL TERJEMAHAN**

oleh

ABDUL RAHMAN BIN MANDALI

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi sebahagian keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Disember 2008

PENGHARGAAN

Pertama, saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Tuhan Rabbul Jalil yang dengan izinNya maka dapat saya menyempurnakan tesis ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga dirakamkan khas untuk Dr Hasuria bt Che Omar, penyelia saya yang tanpa pernah jemu dan jelak terus membimbing, mencurahkan ilmu serta memberi semangat kepada saya bagi menghadapi segala halangan dan cabaran dalam menyiapkan kajian ini. Saya juga tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih sebanyak-banyaknya kepada semua pensyarah program Sarjana Sastera (Terjemahan) Mod Campuran yang selama ini telah memberi tunjuk ajar serta sentiasa bersikap pemurah dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada saya sepanjang mengikuti program tersebut.

Khas untuk isteri tercinta Seniyati Daeng, tanpa pengorbanan, kepercayaan dan sikapmu yang sentiasa memahami, sudah tentu tesis dan pengajian ini tidak akan dapat disempurnakan. Untuk anak-anak permata hati ayah, Ummi Aiman, Ummi Syakirah, Ummi Farhana dan Zhareef Syauqi, tesis ini buat kalian. Semoga segala jerih payah yang telah ayah tempuhi dalam usaha menuntut ilmu selama ini menjadi inspirasi kepada kalian agar menjadi manusia yang sentiasa belajar tanpa jemu serta menjunjung tinggi kemuliaan ilmu pengetahuan sepanjang hayat kalian.

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	vi
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	x
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Terjemahan Hasil Kesusasteraan sebagai Jambatan Budaya	2
1.1.2 Penterjemahan Novel	2
1.1.3 Menterjemah Unsur Metafora dalam Novel	4
1.1.3.1 Definisi Metafora	4
1.1.3.2 Kepentingan Metafora dalam Penulisan Novel	6
1.1.4 Unsur Metafora dalam novel <i>Rentung</i> dan <i>Srengenge</i>	7
1.2 Pernyataan Masalah	8
1.3 Tujuan Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Kerangka Teori	9
1.5.1 Metafora Konseptual – Lakoff dan Johnson (1980)	9
1.5.2 Penterjemahan Berdasarkan Makna - Larson (1984)	9
1.5.3 Kehilangan Makna dalam Penterjemahan - Newmark (1981)	12
1.5.4 Konsep Ketidakterjemahan – Catford (1969)	12
1.6 Bidang Kajian	13
1.7 Kaedah Kajian	13
1.7.1 Mengumpul Data daripada Novel <i>Rentung</i> dan <i>Srengenge</i> serta Terjemahan kedua-duanya	14

1.7.2	Mengklasifikasi Data kepada Metafora Hidup dan Metafora Mati	17
1.7.3	Mengenal pasti Kaedah yang Digunakan oleh Penterjemah untuk Menterjemah kedua-dua Jenis Unsur Metafora	18
1.7.4	Menganalisis Data secara Perbandingan dengan Membuat Pemetaan untuk Mengkaji Keselarasan Makna	19
1.7.5	Menganalisis sama ada Berlaku Kehilangan Makna ke atas Sesuatu Hasil Terjemahan	20
1.8	Kepentingan Kajian	20
1.9	Batasan Kajian	21
1.10	Organisasi Kajian	21

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR DAN KERANGKA TEORI

2.0	Pengenalan	23
2.1	Penterjemahan Teks Kesusasteraan	23
2.2	Fungsi Metafora dalam Bahasa	24
2.3	Metafora dan Kajian Kognitif	25
2.4	Klasifikasi Metafora	28
2.5	Mengenal pasti Metafora dalam Teks	29
2.6	Interpretasi Metafora	31
2.7	Metafora dan Terjemahan	32
	2.7.1 Metafora Hidup dan Metafora Mati	37
2.8	Perbezaan Budaya dan Penterjemahan Metafora	40
2.9	Kesimpulan	43

BAB 3: ANALISIS TERJEMAHAN METAFORA HIDUP

3.0	Pengenalan	44
3.1	Analisis Penterjemahan Metafora Hidup daripada Teks Sumber <i>Rentung</i> kepada Teks Sasaran <i>Rope of Ash</i>	45

3.2	Analisis Penterjemahan Metafora Hidup daripada Teks Sumber <i>Srengenge</i> kepada Teks Sasaran <i>Srengenge</i>	61
3.3	Dapatan dan Rumusan	76
3.3.1	Dapatan dan Rumusan Analisis Kaedah Menterjemah Metafora Hidup serta Kesan Terjemahan yang Terhasil	77

BAB 4: ANALISIS TERJEMAHAN METAFORA MATI

4.0	Pengenalan	80
4.1	Analisis Penterjemahan Metafora Mati daripada Teks Sumber <i>Rentung</i> kepada Teks Sasaran <i>Rope of Ash</i>	81
4.2	Analisis Penterjemahan Metafora Mati daripada Teks Sumber <i>Srengenge</i> kepada Teks Sasaran <i>Srengenge</i>	94
4.3	Dapatan dan Rumusan	115
4.3.1	Dapatan dan Rumusan Analisis Kaedah Menterjemah Metafora Mati serta Kesan Terjemahan yang Terhasil	115

BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	119
5.1	Kaedah yang Digunakan untuk Menterjemah Unsur Metafora Hidup dan Metafora Mati dalam Teks Sumber	121
5.2	Aspek Pemindahan Makna dalam Terjemahan Metafora	125
5.3	Perbincangan dan Kesimpulan	129
5.4	Penutup	133

BIBLIOGRAFI		134
--------------------	--	------------

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

	Halaman
Jadual 1: Metafora hidup yang diterjemahkan kepada pengertian.	77
Jadual 2: Metafora hidup yang diganti dengan metafora bahasa sasaran yang mempunyai maksud yang sama.	78
Jadual 3: Metafora hidup yang diterjemah kepada bentuk simile	78
Jadual 4: Metafora hidup yang tidak diterjemah	78
Jadual 5: Metafora hidup bahasa sumber yang yang dikekalkan imejnya dalam bahasa sasaran.	79
Jadual 6: Metafora bahasa sumber yang dikekalkan dalam bahasa sasaran.	116
Jadual 7: Metafora mati yang diterjemahkan kepada metafora bahasa sasaran yang sama maksudnya.	117
Jadual 8: Metafora mati yang diterjemahkan kepada pengertian.	117
Jadual 9: Metafora mati yang diterjemahkan kepada metafora mati beserta simile dalam bahasa sasaran.	117
Jadual 10: Metafora yang diterjemahkan kepada pengertian.	121
Jadual 11: Metafora mati yang diterjemahkan dengan mengekalkan metafora bahasa sumber dalam bahasa sasaran.	122
Jadual 12: Metafora yang diganti dengan metafora yang sama maksudnya dalam bahasa sasaran.	123
Jadual 13: Metafora hidup yang diterjemah kepada bentuk simile.	124
Jadual 14: Metafora yang tidak diterjemahkan.	124
Jadual 15: Metafora bahasa sumber yang digantikan dengan metafora bahasa sasaran yang sama maksudnya dan memasukkan unsur simile.	124
Jadual 16: Terjemahan Kurang.	126
Jadual 17: Terjemahan Ideal.	127

Jadual 18: Terjemahan Melampau.	128
Jadual 19: Terjemahan Salah.	128
Jadual 20: Metafora Tidak Diterjemah.	128
Rajah 1: Penterjemahan Berdasarkan Makna	10
Rajah 2: Proses Penciptaan dan Perubahan Metafora	34

**PENTERJEMAHAN METAFORA DALAM *RENTUNG* DAN *SRENGENGE*:
SATU ANALISIS HASIL TERJEMAHAN**

ABSTRAK

Tesis ini menelusuri aspek pemindahan makna dalam penterjemahan metafora yang terdapat dalam dua teks kesusasteraan Melayu iaitu *Rentung* dan *Srengenge* karya Shahnnon Ahmad yang telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris oleh Harry Aveling di bawah tajuk *Rope of Ash* dan *Srengenge*. Secara umum, metafora merupakan cara manusia membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain yang tidak mempunyai perkaitan jika diteliti secara permukaan. Metafora juga berkait rapat dengan nilai, sistem konseptual, persekitaran dan pandangan dunia sesuatu budaya. Perbezaan aspek-aspek ini dalam budaya yang berlainan menimbulkan permasalahan dalam penterjemahan metafora kerana setiap budaya mempunyai cara yang tersendiri bagi memmanifestasikan pemikiran metaforikal mereka secara linguistik. Kajian ini bertujuan mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh penterjemah untuk menterjemah unsur metafora hidup dan metafora mati yang terdapat dalam teks sumber. Seterusnya, kajian ini menganalisis metafora teks sumber dan terjemahannya dari segi keselarasan makna. Aspek keselarasan makna seterusnya dianalisis dengan lebih teliti untuk mengetahui sama ada berlaku kehilangan makna dalam bentuk terjemahan kurang, terjemahan melampau atau salah terjemah ke atas hasil terjemahan sesuatu metafora. Hasil analisis memperlihatkan kebanyakan metafora bahasa sumber telah diterjemahkan kepada pengertian tanpa mengekalkan imej metaforiknya. Dari sudut hasil terjemahan, dalam kebanyakan keadaan, kaedah ini telah menghasilkan terjemahan kurang kerana komponen makna metafora bahasa sumber yang padat, termasuk makna budaya tidak dapat dipindahkan ke bahasa sasaran. Namun

demikian, kaedah yang kedua paling kerap digunakan oleh penterjemah iaitu dengan mengekalkan metafora bahasa sumber dalam metafora bahasa sasaran didapati sering menghasilkan terjemahan ideal. Keadaan ini berlaku apabila budaya sumber dan budaya sasaran berkongsi sistem konseptual, komponen makna atau konotasi budaya yang terkandung dalam sesuatu metafora. Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa sensitiviti penterjemah terhadap makna, sistem konseptual dan nuansa budaya yang mendasari struktur sesuatu metafora amat penting dalam menghasilkan sesuatu terjemahan unsur metafora yang bermutu.

THE TRANSLATION OF METAPHOR IN *RENTUNG* AND *SRENGENGE*: AN ANALYSIS OF THE TRANSLATED TEXT

ABSTRACT

This thesis focuses on the transfer of meaning in the translation of metaphors from two Malay literary novels namely *Rentung* and *Srengenge* written by Shahnnon Ahmad and translated into English by Harry Aveling under the titles *Rope of Ash* and *Srengenge*. Loosely defined, metaphors are figures of speech where comparisons are made between two different domains where no similarities exists when examined at the surface level. Metaphors are also interrelated with the conceptual system, the value system, the environment and the world view of a particular culture. The differences in these aspects between cultures often pose specific problems in translating metaphors because each culture linguistically manifest their metaphorical thoughts in a different way. This study aims to identify the method employed by the translator of the above mentioned novels, to translate live and dead metaphors from the two literary texts and also to examine the transfer of meaning between the source text metaphors with that of the target texts. The transfer of meaning is further analyzed in order to find out if there is any type of losses of meaning in a form of undertranslation, overtranslation or even wrong translation. The findings of the study show that in many cases, the metaphors found in the source text are translated into meaning without keeping the metaphorical image. It is also noticeable that such a method frequently produces undertranslated equivalents. This is because of the fact that the source text metaphorical expressions which are laden with a variety of meaning components including culturally specific meaning are indispensable and cannot be substituted with a paraphrase. However, another method, although slightly less

frequently employed by the translator is to preserve the metaphorical expressions of the source text in the target text. This method is especially employed in translating metaphors which structures are based on a conceptual system, values and cultural nuances which are shared between the source culture and the target culture. This method instead, often produces an ideal translation. In conclusion this study shows that the translator's delicate awareness towards meaning, values, conceptual systems and cultural nuances that are the basis of the metaphorical structures of the source text and the target text which are essential in producing a good translation of metaphors.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bidang kesusasteraan menghasilkan pelbagai jenis teks yang boleh diterjemahkan oleh penterjemah yang menceburkan diri dalam kegiatan penterjemahan hasil kesusasteraan. Kesusasteraan merupakan suatu bidang yang tidak pernah pudar daripada menghasilkan produk penulisan sama ada novel, prosa mahupun puisi. Saban tahun ada sahaja hasil kesusasteraan baharu yang dihasilkan dari serata pelosok dunia.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini berlatarbelakangkan penterjemahan hasil penulisan sastera Melayu, khasnya novel, yang diterjemahkan ke bahasa Inggeris lalu seterusnya mewakili sastera dan budaya Melayu di persada antarabangsa. Terjemahan pula, secara umum bermaksud:

...menghasilkan semula dalam bahasa sasaran padanan yang paling hampir dengan bahasa sumber, pertama dari segi maksud dan kedua dari segi gaya. ¹
(Nida, 1969:12) (Terjemahan saya)

Thrall dan Hibbard (1960:494) menyatakan bahawa dalam bidang kesusasteraan, terjemahan adalah:

Menterjemah hasil kesusasteraan yang pada asalnya dihasilkan dalam satu bahasa ke bahasa yang lain. ²
(Terjemahan saya)

Menurut Lalitha (2006:1):

Penterjemahan hasil kesusasteraan ditafsir secara berbeza daripada 'terjemahan' yang melibatkan penggantian perkataan-perkataan dalam teks daripada sesuatu bahasa dengan padanannya dalam bahasa yang lain. Sebaliknya penterjemahan kesusasteraan melibatkan pelbagai peringkat kesedaran selain aspek bahasa yang memerlukan pendekatan berhati-hati serta pemilihan padanan secara bijaksana. ³
(Terjemahan Saya)

1.1.1 Terjemahan Hasil Kesusasteraan sebagai Jambatan Budaya.

Penterjemahan hasil kesusasteraan merupakan suatu usaha yang amat penting serta diberi perhatian oleh banyak pihak kerana penterjemahan bidang ini, selain daripada dapat memperkayakan kesusasteraan sesuatu bangsa, juga dapat mempertingkatkan interaksi antara budaya masyarakat dunia. Pogadaev (2005, dalam Abdullah Hassan, 2005:72) menggariskan sekurang-kurangnya tiga peranan utama penterjemahan hasil kesusasteraan. Penterjemahan hasil kesusasteraan, menurutnya amat penting kerana usaha ini menjadikan sesuatu budaya itu bertambah kaya, menjadikan hasil kesusasteraan sesuatu budaya lebih dikenali di peringkat antarabangsa serta mewujudkan interaksi budaya atau sifat saling memahami antara masyarakat dunia. Jelani Harun (1994, dalam Abdul Ahmad, 1994:110) menyatakan kegiatan terjemahan adalah usaha mengetengahkan karya tempatan ke arena antarabangsa. Usaha ini juga menurutnya, dapat membuka peluang kepada sasterawan tempatan memenangi hadiah kesusasteraan peringkat antarabangsa seperti Hadiah Nobel.

1.1.2 Penterjemahan Novel

Dalam konteks di Malaysia, sejarah penterjemahan hasil kesusasteraan telah bermula sejak lama dahulu. Sebagai contoh, Pejabat Karang Mengarang yang diusahakan oleh Zaa'ba dan O.T. Dussek sekitar tahun 1924 telah menterjemah karya-karya pengarang Barat yang terkemuka seperti Charles Dickens dan William Shakespeare ke dalam bahasa Melayu untuk bacaan penduduk tempatan (Sharifah Fazliyaton: 2003, dalam Abdullah Hassan, 2003:138). Selain itu, Indrani (2000: 2) menyatakan bahawa hasil terjemahan bahan-bahan dari Barat ke dalam bahasa Melayu oleh Pejabat Karang Mengarang telah digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah Melayu. Karya-karya tersebut termasuklah *Sherlock Holmes*, *Cerita Robin Hood*, *Panglima Hercules*, dan *Gua Intan Sultan Sulaiman* merupakan karya pengarang- pengarang terkenal dari Barat.

Sehingga kini telah banyak hasil karya penulis tempatan yang diterjemahkan ke bahasa asing. Sebagai contoh, novel *Salina* tulisan A. Samad Said telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris oleh Harry Aveling pada tahun 1975. Novel-novel tulisan Shahnnon Ahmad seperti *Srengenge* dan *Rentong* juga telah diterjemah ke bahasa Inggeris pada tahun 1970an. Terdapat juga hasil-hasil tulisan sasterawan Melayu yang diterjemah oleh penterjemah Melayu ke bahasa Inggeris. Sebagai contoh novel *Salina* tulisan A. Samad Said telah diterjemah oleh Hawa Abdullah ke bahasa Inggeris di bawah tajuk yang sama pada tahun 1991. Adibah Amin pula telah menterjemah novel *Ranjau Sepanjang Jalan* tulisan Shahnnon Ahmad ke bahasa Inggeris di bawah tajuk *No Harvest but a Thorn* pada tahun 1972.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat difahami bahawa penterjemahan novel amat penting namun pelbagai halangan perlu dihadapi dan diatasi untuk menghasilkan terjemahan novel yang bermutu. Perkara ini menuntut supaya penelitian dan kajian ke atas aspek penterjemahan novel dilaksanakan secara berterusan. Walau bagaimanapun menurut Bassnet (1980:109) tidak banyak waktu yang digunakan bagi menyelidiki permasalahan penterjemahan novel secara spesifik berbanding permasalahan dalam penterjemahan puisi. Ini menurutnya mungkin disebabkan oleh pandangan yang salah bahawa penterjemahan novel adalah lebih mudah berbanding penterjemahan puisi. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa terdapat banyak pendedahan tentang metodologi menterjemah puisi yang diberi secara terperinci oleh penterjemah puisi berbanding keterangan tentang kaedah penterjemahan novel oleh penterjemah-penterjemah novel.

Kesimpulannya, penterjemahan karya-karya penulis Melayu, khasnya novel dalam konteks kajian ini, yang sentiasa berterusan merupakan jambatan yang menyambungkan tamadun dan kesusasteraan Melayu dengan dunia luar. Melalui penterjemahan, manusia dari dunia luar dapat mengenali budaya, pemikiran dan tamadun Melayu. Ini menyebabkan perlunya karya-karya penulis Melayu diterjemah dengan sebaik mungkin kerana kesilapan

menterjemah akan menimbulkan gambaran yang tidak benar tentang dunia pemikiran dan budaya Melayu.

1.1.3 Menterjemah Unsur Metafora dalam Novel.

Dalam penterjemahan novel, penterjemah pasti akan berhadapan dengan permasalahan penterjemahan metafora. Ini adalah kerana metafora merupakan suatu komponen yang tidak akan dapat dipisahkan daripada bahasa dan budaya sama ada budaya sumber atau budaya sasaran. Lakoff dan Johnson (1980:1) menyatakan bahawa metafora terdapat dalam kehidupan seharian kita bukan sahaja dalam aspek bahasa malah dalam pemikiran dan tindakan. Menurut mereka lagi, nilai fundamental dalam sesuatu budaya mempunyai koherensi dengan struktur metaforikal bagi konsep-konsep yang paling fundamental dalam sesuatu budaya (1980:22).

1.1.3.1 Definisi Metafora

Sebelum peranan metafora dalam penulisan sastera dibincangkan secara lebih lanjut, definisi metafora harus diteliti. Metafora telah diberi pelbagai definisi oleh pelbagai pihak. Dari segi etimologi, metafora atau *metaphor* dalam bahasa Inggeris berasal daripada perkataan Greek *metapherein* yang bermaksud 'to bear' dalam bahasa Inggeris (*Oxford English Dictionary*, 1996). Dari segi bahasa Melayu pula, *Kamus Dewan*, (1994:886) mendefinisikan metafora sebagai:

Pemakaian kata-kata untuk menyatakan suatu makna atau maksud lain selain makna biasa atau makna sebenar perkataan berkenaan (sebagai perbandingan atau kiasan).

Ainon dan Abdullah (2003) dalam *Kamus Pepatah Bidalan dan Perumpamaan* memberi definisi yang berikut:

Metafora ialah sejenis kiasan yang tidak menggunakan seolah-olah, ibarat, seakan-akan, bak, laksana, macam, bagai dan umpama.

Lakoff (1980:5) yang mengkaji metafora dari aspek kognitif menyatakan bahawa:

Intipati metafora adalah memahami dan mengalami sesuatu dengan cara memahami dan mengalami sesuatu yang lain. ⁴ (Terjemahan Saya)

Beliau menyatakan metafora sering disalah anggap sebagai

...peranti imaginasi puitis dan hiasan retorik. ⁵ (Terjemahan Saya)

Menurut Lakoff lagi, metafora sebenarnya berkait dengan aspek sistem konseptual manusia yang membentuk cara berfikir dan bertindak. Ia bukanlah hanya merangkumi aspek bahasa sahaja.

Dari sudut terjemahan, Larson (1984) yang menulis satu bab yang khusus tentang penterjemahan metafora menyatakan bahawa:

Metafora dan simile adalah bahasa kiasan yang terdapat dalam banyak bahasa. Bahasa kiasan ini adalah dalam bentuk perbandingan. ⁶ (Terjemahan Saya)

Newmark (1988:104) pula memberi definisi berikut:

Sebarang ekspresi figuratif: pengubahan makna sesuatu perkataan, personifikasi sesuatu abstrak, aplikasi perkataan atau kolokasi terhadap sesuatu secara bukan literal, sebagai contoh menggambarkan sesuatu dengan sesuatu yang lain. ⁷ (Terjemahan Saya)

Walau bagaimanapun perlu diingat bahawa, seperti yang dinyatakan oleh Ortony (1979:3) bahawa mana-mana kajian berkaitan metafora hampir pasti terikat dengan kajian dan pemikiran Aristotle berkaitan perkara ini. Dalam hal ini Aristotle (dalam Dagut, 1976:22) mendefinisikan metafora sebagai:

...mengaplikasi nama sesuatu perkara ke atas perkara yang lain. ⁸ (Terjemahan saya)

Kesemua definisi metafora yang diperolehi di atas khususnya oleh beberapa sarjana tertentu menjadi garis panduan dalam merumus definisi yang akan dijadikan asas kajian ini.

Selain itu, metafora juga diklasifikasi berasaskan struktur serta peranannya dalam bahasa. Sebahagian sarjana mengklasifikasi metafora berdasarkan kajian kognitif manakala sebahagian sarjana membahagikan metafora berdasarkan pendekatan berasaskan aspek sociolinguistik. Walau bagaimanapun aspek ini akan dibincangkan secara lebih tuntas dalam Bab 2 kajian ini.

1.1.3.2 Kepentingan Metafora dalam Penulisan Novel

Dalam bidang penulisan novel, penggunaan unsur metafora merupakan sesuatu yang lumrah. Novel ditulis berlatarbelakangkan budaya manusia. Oleh itu budaya dan pemikiran manusia yang terjalin dalam penulisan sesuatu novel kerap kali melibatkan manifestasi perkara-perkara tersebut secara metaforik. Manusia sebenarnya berfikir secara metaforikal iaitu sering mengaitkan sesuatu konsep dengan suatu konsep yang lain untuk memahami fenomena di sekeliling kehidupan mereka (Lakoff dan Johnson: 1980). Selain itu penggunaan metafora merupakan sebahagian daripada unsur yang membentuk nilai estetik dan ekspresif dalam sesuatu karya kesusasteraan.

Aristotle amat menekankan kepentingan metafora dalam penulisan prosa dan puisi . Mahon (1999, dalam Cameron 1999:72) melaporkan bahawa Aristotle dalam karyanya, *Poetics*, menyatakan:

Perkara yang paling penting ialah menjadi mahir dalam metafora. Ianya adalah petanda orang cerdik kerana metafora yang baik menunjukkan cerahnya pandangan mata hati seseorang terhadap apa yang sama dalam sesuatu yang tidak mempunyai persamaan.⁹
(Terjemahan Saya)

Dalam hal ini, Peck & Coyle (1993:152) menyatakan bahawa bahawa perkara yang paling menarik tentang metafora ialah keupayaannya membuat sesuatu idea itu lebih jelas. Mereka menjelaskan:

...adalah sukar untuk memahami teras sesuatu pemikiran yang abstrak, namun apabila idea tersebut digambarkan dengan suatu istilah yang lebih konkrit ia menjadi lebih hidup.¹⁰
(Terjemahan Saya)

Rahman Shaari (1993) menyatakan bahawa metafora dan personifikasi adalah unsur-unsur gaya bahasa yang kerap digunakan oleh penulis-penulis moden. Dalam cerpen-cerpen Melayu, terdapat banyak penggunaan metafora seperti 'Abang benar-benar harimau dalam rumah', 'Hatinya mendung sejak peristiwa itu' dan banyak lagi. Kesemua metafora

ini menggambarkan kemahiran seseorang penulis menggunakan unsur metafora yang diukur melalui keaslian dan ketepatan penggunaannya.

Kesimpulannya, metafora amat penting dalam penulisan kesusasteraan baik puisi mahupun novel kerana ia mampu menggambarkan dan menyampaikan sesuatu idea dengan jelas, jitu serta ekonomik. Selain itu, dari sudut nilai kesusasteraan metafora juga meningkatkan nilai estetik dan ekspresif sesuatu penulisan serta menggambarkan kekayaan budaya dan seni sesuatu bangsa.

1.1.4 Unsur Metafora dalam Novel *Rentung* dan *Srengenge*

Sebelum meneroka lebih jauh analisis kajian ini, latar belakang teks yang akan dijadikan asas kajian perlu diketahui terlebih dahulu. Kajian ini akan menganalisis penterjemahan unsur metafora yang terdapat dalam novel *Rentong* dan *Srengenge* karya Shahnnon Ahmad ke dalam bahasa Inggeris oleh Harry Aveling. *Rentong* merupakan novel Shahnnon yang telah diterbitkan pada tahun 1965 dan telah diterjemah ke bahasa Inggeris oleh Harry Aveling serta diterbitkan pada tahun 1979 di bawah tajuk '*Rope of Ash*'. Bagi kajian ini, novel *Rentong* yang diulang terbit pada tahun 1991 dengan perubahan ejaan pada tajuknya iaitu '*Rentung*' akan digunakan. *Srengenge* pula merupakan novel ketiga Shahnnon Ahmad yang diterbitkan oleh DBP pada tahun 1973. Novel ini telah diterjemah oleh Harry Aveling dan diterbitkan pada tahun 1979.

Kedua-dua novel di atas sarat dengan penggunaan pelbagai bentuk metafora yang merencamkan teknik penulisan pengarangnya. Penggunaan metafora secara kreatif dan eksperimental yang menggambarkan *psyche* dan pemikiran Melayu oleh Shahnnon Ahmad telah memberi keunikan kepada novel ini. Ini menjadikan novel tersebut menarik serta bermanfaat untuk dikaji.

1.2 Pernyataan Masalah

Metafora, selain membentuk nilai estetik dan ekspresif dalam sesuatu karya penulisan berkait rapat dengan budaya serta pandangan dunia sesuatu bangsa. Oleh itu, penterjemah hasil kesusasteraan perlu arif dalam selok-belok penterjemahan unsur metafora. Walau bagaimanapun, aspek penterjemahan metafora sedikit sekali diperkatakan oleh para sarjana. Selain itu, kajian penterjemahan unsur metafora, khususnya dari bahasa Melayu ke bahasa Inggeris, amat kurang bilangannya.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk :

- Mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh penterjemah untuk menterjemah unsur metafora hidup dan metafora mati yang terdapat dalam teks sumber.
- Menganalisis unsur metafora hidup dan metafora mati yang terdapat dalam teks sumber dan terjemahannya dari segi keselarasan makna.
- Menganalisis sama ada berlaku kehilangan makna dalam bentuk terjemahan kurang atau terjemahan melampau ke atas hasil terjemahan sesuatu metafora.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mencapai tujuan kajian ini, beberapa persoalan akan diteliti khususnya:

- Apakah kaedah yang telah digunakan oleh penterjemah untuk menterjemah unsur metafora?
- Adakah wujud keselarasan makna antara hasil terjemahan bagi sesuatu metafora dalam teks terjemahan dengan metafora bahasa sumber dalam teks sumber?

- Apakah berlaku kehilangan makna dalam bentuk terjemahan kurang atau terjemahan melampau ke atas hasil terjemahan sesuatu metafora?

1.5 Kerangka Teori

Kajian ini akan memanfaatkan secara eklektik teori dan pendekatan berikut:


1.5.1 Metafora Konseptual –Lakoff dan Johnson (1980)

Lakoff dan Johnson menyatakan bahawa Intipati metafora adalah memahami dan mengalami sesuatu dengan cara memahami dan mengalami sesuatu yang lain. Dalam kajian mereka, Lakoff dan Johnson berpendapat bahawa metafora sistem konseptual manusia bersifat metaforik. Dalam erti kata lain manusia memahami sesuatu konsep berdasarkan atau dengan membandingkan konsep tersebut dengan konsep yang lain. Sebagai contoh, konsep yang abstrak difahami berasaskan konsep yang lebih konkrit. Mereka membahagikan metafora kepada metafora orientasi, metafora ontologikal dan metafora struktural. Dalam kajian ini, pandangan mereka akan dijadikan asas memahami metafora dari segi konstruk kognitif dan bagaimana sesuatu metafora itu beroperasi dalam bahasa.

1.5.2 Penterjemahan Berdasarkan Makna - Larson (1984)

Larson berpendapat bahawa terjemahan pada asasnya merupakan proses menukar bahasa sumber kepada bahasa sasaran dari segi bentuk. Bentuk sesuatu bahasa termasuklah aspek-aspek seperti perkataan, frasa, klausa, ayat, perenggan serta lain-lain sama ada yang diujarkan atau ditulis. Bentuk merupakan struktur permukaan sesuatu bahasa. Dalam penterjemahan, bentuk bahasa sumber diganti dengan bentuk bahasa sasaran. Aspek makna dipindahkan daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran melalui proses penukaran bentuk. Dalam erti kata lain, bentuk boleh berubah namun makna harus dikekalkan dalam sesuatu penterjemahan.

Penterjemahan berdasarkan makna merupakan usaha menterjemah yang memberi penekanan terhadap pemindahan makna daripada bahasa sumber ke dalam bentuk yang sejadi dengan bahasa sasaran. Bagi menentukan berlakunya perkara ini, penterjemahan melibatkan penelitian aspek leksikon, struktur gramatis, situasi komunikasi, konteks budaya teks sumber dan seterusnya menganalisis bagi memahami makna. Makna tersebut perlu dikonstruksi semula berasaskan leksikon dan struktur gramatis bahasa sasaran serta mengambil kira konteks budaya bahasa sasaran. Kesemua ini menunjukkan bahawa terdapat banyak aspek yang terlibat dalam menentukan makna kerana penentuan tidak boleh dilakukan hanya berdasarkan makna kamus atau berdasarkan aspek linguistik semata-mata. Proses ini digambarkan dalam rajah berikut:



Rajah 1: Penterjemahan Berdasarkan Makna

Penterjemahan menurut Larson adalah lebih daripada sekadar mendapatkan padanan pada peringkat perkataan. Struktur bahasa sumber perlu ditinggalkan untuk struktur bahasa sasaran tanpa melibatkan kehilangan makna. Selain perkataan, struktur gramatikal sesuatu bahasa juga mempunyai makna. Larson juga menggunakan istilah proposisi bagi merujuk sesuatu unit semantik yang mengandungi sekumpulan konsep yang berkaitan antara satu sama lain.

Larson menyatakan metafora dan simile merupakan bentuk-bentuk gramatikal yang mewakili dua proposisi dalam struktur semantiknya. Kedua-dua proposisi dalam sesuatu metafora berkait secara perbandingan. Titik persamaan perbandingan pula terdapat dalam bahagian komen proposisi-proposisi tersebut. Penterjemah, menurutnya harus menganalisis bagi mencari dua proposisi yang merupakan struktur semantik di sebalik sesuatu kiasan.

Menurut analisis Larson, sesuatu metafora boleh dicerakin kepada empat bahagian iaitu:

- i. Topik - proposisi pertama dan bersifat bukan figuratif (perkara yang diperkatakan).
- ii. Imej - merupakan topik yang terdapat dalam proposisi kedua dan bersifat figuratif.
- iii. Titik persamaan – terdapat dalam komen kedua-dua proposisi ataupun dalam komen proposisi kerja apabila imej merupakan topik.
- iv. Padanan bukan figuratif - jika proposisi yang mengandungi topik merupakan proposisi kerja, maka komennya merupakan padanan bukan figuratif.

Larson membahagikan metafora kepada dua jenis iaitu metafora mati dan metafora hidup. Metafora mati merupakan ungkapan idiomatik yang membentuk glosari sesuatu bahasa. Metafora hidup pula merupakan metafora yang dicipta secara spontan oleh seseorang penutur atau penulis. Beliau menyenaraikan permasalahan yang timbul dalam menterjemah metafora iaitu:

- i. Imej yang digunakan tidak diketahui dalam bahasa sasaran.
- ii. Topik metafora tidak dinyatakan secara jelas.
- iii. Titik persamaan tidak jelas.
- iv. Titik persamaan difahami secara berbeza dalam budaya sasaran.
- v. Budaya bahasa sasaran tidak menggunakan perbandingan seperti yang digunakan dalam bahasa sumber.

Untuk menterjemah metafora pula, Larson telah menyarankan kaedah-kaedah yang boleh digunakan iaitu:

- i. Metafora boleh dikekalkan sekiranya bahasa sasaran membenarkan (berbunyi sejadi dan dapat difahami dengan baik oleh pembaca sasaran).
- ii. Metafora boleh diterjemahkan sebagai simile.
- iii. Menggantikan dengan metafora bahasa sasaran yang mempunyai maksud yang sama.
- iv. Metafora boleh dikekalkan dan maksud dijelaskan (topik, imej dan titik persamaan dimasukkan).
- v. Metafora diterjemahkan kepada pengertian tanpa mengekalkan imej metaforikalnya.

1.5.3 Kehilangan Makna dalam Penterjemahan - Newmark (1981)

Newmark (1981, terjemahan Zainab Ahmad dan Zaiton Ab. Rahman, 1994:10) menegaskan bahawa kehilangan makna yang asas berlegar pada satu kontinum antara terjemahan melampau dan terjemahan kurang. Terjemahan melampau bermaksud terjemahan yang memberi ciri makna yang berlebihan daripada makna perkataan dalam teks sumber. Terjemahan kurang pula bermaksud terjemahan yang lebih umum dan tidak memenuhi maksud bahasa sumber. Dalam kedua-dua hal, kehilangan makna yang dianggap oleh Newmark tidak dapat dielakkan dalam penterjemahan akan berlaku.

1.5.4 Konsep Ketidakterjemahan - Catford (1969)

Catford (1969, terjemahan Uma Iyavoo dan K.C Gaik, 1996:119) mendefinisikan 'ketidakterjemahan' sebagai satu situasi:

apabila tidak ada kemungkinan membentuk ciri situasi yang relevan dari segi fungsi ke dalam maksud konteks bagi teks bahasa sasaran.

Penterjemahan berkait rapat dengan aspek pertalian linguistik dan budaya antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Penterjemahan lebih mudah dilakukan jika bahasa sumber dan bahasa sasaran berkongsi aspek linguistik dan budaya.

Terdapat dua kategori ketidakterjemahan iaitu ketidakterjemahan linguistik dan ketidakterjemahan budaya. Ketidakterjemahan linguistik bermaksud ketiadaan padanan leksikal atau sintaksis dalam bahasa sasaran untuk menggantikan unsur dalam bahasa sumber kerana struktur tersebut tiada dalam bahasa sasaran. Ketidakterjemahan ini boleh diatasi dengan menstruktur semula maksud dari bahasa sumber dalam bahasa sasaran.

Ketidakterjemahan budaya pula disebabkan unsur budaya bahasa sumber tidak terdapat dalam bahasa sasaran. Ketidakterjemahan ini sukar ditangani serta bergantung kepada kecekapan penterjemah untuk mengatasinya.

1.6 Bidang Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang menganalisis penterjemahan metafora dalam dua buah teks kesusasteraan Melayu iaitu novel '*Rentung*' dan '*Srengenge*' tulisan Shahnnon Ahmad yang diterjemah ke bahasa Inggeris oleh Harry Aveling. Definisi metafora yang akan dikaji dirumuskan berpandukan definisi dan kajian sarjana-sarjana seperti Lakoff dan Johnson (1980), Larson (1984) dan juga Newmark (1988).

1.7 Kaedah Kajian

Dalam kajian ini, aspek yang akan diteliti ialah kaedah penterjemahan serta aspek pemindahan makna dalam penterjemahan unsur metafora. Makna yang dipindahkan akan diteliti sama ada berlaku kehilangan makna seperti terjemahan kurang, terjemahan melampau dan terjemahan salah. Bagi menyelidiki aspek yang dinyatakan di atas, kaedah yang disusun seperti di bawah akan digunakan.

1.7.1 Mengumpul Data daripada Novel *Rentung* dan *Srengenge* serta Terjemahan

Kedua-duanya.

Definisi metafora yang akan digunakan dalam kajian ini merupakan rumusan daripada kajian-kajian yang dijalankan oleh Lakoff dan Johnson (1980), Larson (1984) dan Newmark (1981). Oleh itu, dari segi konstruk kognitif sesuatu metafora, kajian ini akan mengambil kira bentuk-bentuk yang dibincangkan oleh Lakoff dan Johnson (1980) bagi memahami bagaimana sesuatu metafora itu beroperasi secara konseptual. Struktur-struktur tersebut adalah:

- i. Metafora orientasi iaitu bentuk metafora yang mengorganisasi sesuatu konsep abstrak berdasarkan orientasi ruang seperti atas-bawah, dalam-luar, belakang-hadapan dan lain-lain. Asas ini membentuk metafora seperti 'semangat tinggi', 'masa hadapan', 'inflasi naik' dan lain-lain.
- ii. Metafora ontologikal iaitu persepsi yang membanding konsep-konsep abstrak sebagai suatu entiti atau bahan maujud. Dalam erti kata lain, pengalaman dan interaksi dengan objek fizikal menjadi asas perbandingan memahami konsep abstrak. Asas ini menghasilkan bentuk metaforik seperti 'inflasi mengancam kehidupan rakyat' yang membandingkan konsep 'inflasi' sebagai suatu entiti yang merupakan musuh rakyat. Konsep ini mengstruktur cara kita berfikir serta bertindak terhadap konsep abstrak 'inflasi'. Lakoff dan Johnson (1980) mengkategorikan personifikasi sebagai sebahagian daripada metafora ontologikal yang memberi spesifikasi manusia terhadap objek dan konsep untuk memudahkan kita memahami pengalaman dengan entiti bukan manusia tersebut berdasarkan pengalaman kita dengan karakteristik, aktiviti dan motivasi kemanusiaan. Sebagai contoh, dalam

metafora 'inflasi mengancam kehidupan rakyat', konsep 'inflasi juga diberi kualiti manusia iaitu mampu melakukan perbuatan 'mengancam'.

- iii. Metafora struktural pula membolehkan kita melakukan lebih daripada sekadar mengorientasi konsep, merujuk atau memberi kualiti dan kuantiti kepada konsep. Ia membolehkan kita menggunakan struktur konsep yang lebih kompleks untuk menstruktur pemahaman terhadap konsep yang lain. Sebagai contoh, perdebatan merupakan proses bertukar-tukar fikiran oleh dua orang atau lebih. Namun begitu metafora asas 'perdebatan adalah peperangan' bukan sekadar bahasa kiasan tetapi ia menstruktur sistem konseptual yang kompleks yang menentukan bagaimana kita bertindak dan bertingkah laku dalam sesuatu perdebatan walaupun sebenarnya kita tidak terlibat dalam sebarang konflik berbentuk fizikal. Oleh itu terdapat metafora-metafora seperti 'dia menyerang semua titik kelemahan hujah-hujah saya', 'saya cuba menepis serangannya', 'saya tidak pernah menang dalam perdebatan dengannya' dan sebagainya. Sistem konseptual ini mengatur tingkah laku kita dalam menghadapi perdebatan pada peringkat struktur pemikiran kompleks.

Dari segi status sosiolinguistik, iaitu bagi menentukan sama ada sesuatu metafora itu baharu dicipta atau telah wujud dan mantap penggunaannya dalam bahasa Melayu, bahasa sumber kajian ini, kajian yang pendek dan terbatas ini akan merumuskan saranan yang diberi oleh Larson (1984) dan Newmark (1988) dalam mengklasifikasi metafora iaitu dengan membahagikan metafora kepada metafora hidup dan metafora mati.

- i. Metafora hidup bermaksud metafora yang dicipta secara oleh seseorang penutur atau penulis. Metafora hidup dapat difahami maksud figuratifnya dengan memberi perhatian dan memikirkan maksud kiasan yang terdapat di dalamnya berdasarkan konteks.

- ii. Metafora mati merupakan ungkapan idiomatik yang membentuk glosari sesuatu bahasa. Dalam kajian yang berfokus kepada konteks bahasa Melayu ini bentuk metafora mati yang akan dikaji merangkumi bentuk-bentuk seperti perkataan, simpulan bahasa, perumpamaan, peribahasa dan klise yang bersifat metaforik serta menepati definisi asas kajian ini sama ada dari sudut struktur atau konstruk kognitif termasuk penggunaan secara kreatif dan adaptasi metafora-metafora mati tersebut.

Oleh kerana kajian ini berbentuk kajian kes yang berfokus kepada penterjemahan metafora dalam penulisan sastera iaitu suatu bentuk penulisan ekspresif, pengklasifikasian metafora dari sudut sociolinguistik dengan kaedah yang terlalu terperinci tidak relevan. Ini adalah kerana dalam penterjemahan metafora dalam teks kesusasteraan, kesemua metafora baik apa jua bentuk atau status sociolinguistiknya iaitu sama ada metafora hidup, metafora mati atau metafora yang telah menjadi klise dalam sesuatu bahasa tidak boleh diabaikan malah perlu diterjemahkan kerana setiap satu mempunyai signifikannya yang tersendiri dalam teks tersebut. Newmark (1981:135) misalnya, menyatakan 'penterjemah tidak berhak mempermain-mainkan klise dalam teks ekspresif, pernyataan pihak berwajib, undang-undang, peraturan, pengumuman dan sebagainya'.

Dari segi struktur gramatikal, kajian ini akan menganalisis metafora yang terdapat atau berfungsi dalam bentuk kata, frasa, klausa dan ayat iaitu manifestasi metaforik yang wujud dalam bentuk satu perkataan atau lebih.

Bagi mengenal pasti metafora dalam kedua-dua teks, kaedah mengenal pasti metafora yang digunakan adalah berasaskan rumusan yang dibuat berasaskan pendapat beberapa orang sarjana seperti Grice (1975, dalam Glucksberg, 2001), Kitay (1987, dalam Glucksberg, 2001) dan Glucksberg (2001). Sesuatu data dikategorikan sebagai metafora jika wujud ketakkongruenan domain dan terdapat potensi pemindahan makna dalam sebarang bentuk perbandingan yang dibuat antara dua domain. Ketakkongruenan mestilah

terdapat antara domain sesuatu item leksikal iaitu alat atau imej yang digunakan untuk merujuk kepada sesuatu idea yang lain yang menjadi topik yang mungkin dinyatakan secara nyata atau tidak dalam sesuatu ayat, ungkapan atau ujaran.

Topik metafora yang tidak dinyatakan secara eksplisit mestilah dapat dikesan daripada konteks penggunaan metafora tersebut. Imej yang digunakan dapat dianggap sesuatu yang tidak asing bagi persekitaran penulis dan pembaca. Selain itu, orang yang menghasilkan sesuatu metafora, dalam konteks ini penulis novel, mempunyai maksud supaya sesuatu korpus itu diinterpretasi secara metaforikal. Maksud tersebut dapat ditentukan kerana wujudnya tahap ketakkongruenan yang tinggi antara topik dan imej dalam korpus tersebut. Selain itu, beberapa struktur sintaksis yang digunakan dalam teks, sebagai contoh struktur 'A ialah B', penggunaan simpulan bahasa, peribahasa atau perumpamaan yang melibatkan suatu struktur perbandingan dapat digunakan bagi membantu mengenal pasti bahawa sesuatu korpus itu adalah metafora.

1.7.2 Mengklasifikasi Data kepada Metafora Hidup dan Metafora Mati

Kesemua data yang telah dikenal pasti sebagai metafora akan dianalisis dalam dua bahagian yang berlainan. Ini adalah kerana bagi metafora hidup, makna perlu ditentukan oleh penterjemah berdasarkan keupayaan dan kecekapannya sendiri berpandukan analisis berdasarkan konteks dan penggunaan metafora. Bagi metafora mati pula maknanya ditentukan berdasarkan makna yang telah mantap dalam sistem bahasa sumber. Dalam erti kata lain, maknanya boleh ditentukan dengan merujuk kamus atau kamus-kamus simpulan bahasa, perumpamaan atau peribahasa dalam bahasa Melayu.

Dalam bahagian pertama analisis, penyelidik akan menganalisis metafora hidup; iaitu semua bentuk perbandingan yang bersifat metaforik yang dicipta oleh penulis. Ini merangkumi kesemua bentuk linguistik iaitu peringkat kata, termasuk kata nama, kata

kerja, kata adjektif atau adverba, frasa, klausa atau sebarang bentuk sintaksis yang yang mengandungi elemen metaforik.

Dalam bahagian kedua analisis, penyelidik akan menganalisis penterjemahan metafora mati yang merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, peribahasa atau metafora klise atau sebarang bentuk metaforik yang sedia terdapat dan lazim digunakan dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun kesemua bentuk-bentuk yang akan dikaji dalam kategori ini mestilah bersifat metaforik iaitu menepati definisi metafora yang menjadi asas kajian ini.

1.7.3 Mengenal pasti Kaedah yang Digunakan oleh Penterjemah untuk Menterjemah Kedua-dua Jenis Unsur Metafora.

Asas bagi mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh penterjemah bagi menterjemah metafora dalam kedua-dua teks sastera yang dikaji ialah garis panduan menterjemah metafora yang telah diberi oleh Larson (1984) . Garis panduan atau kaedah yang disarankan oleh beliau adalah:

- i. Metafora boleh dikekalkan sekiranya bahasa sasaran membenarkan (berbunyi sejadi dan dapat difahami dengan baik oleh pembaca sasaran).
- ii. Metafora boleh diterjemahkan sebagai simile.
- iii. Metafora boleh digantikan dengan metafora bahasa sasaran yang mempunyai maksud yang sama.
- iv. Metafora boleh dikekalkan dan maksud dijelaskan (topik, imej dan titik persamaan dimasukkan).
- v. Metafora diterjemahkan kepada pengertian tanpa mengekalkan imej metaforikalnya.

Walaupun bagaimanapun kaedah di atas hanya sebagai garis panduan umum sahaja. Kaedah sebenar yang digunakan oleh penterjemah akan dikenal pasti dan dikaji.

1.7.4 Menganalisis Data secara Perbandingan dengan Membuat Pemetaan untuk Mengkaji Keselarasan Makna.

Latar belakang konteks penggunaan metafora yang dikaji akan diberi supaya analisis metafora tersebut lebih jelas dan dapat dikaitkan dengan konteks. Metafora bahasa sasaran akan dicerakinkan kepada komponen-komponen kecil yang membentuk metafora tersebut dengan mengikut kaedah yang disarankan oleh Larson (1984) iaitu kepada topik, imej dan titik persamaan. Melalui analisis ini makna metafora akan dapat dinyatakan.

Bagi metafora hidup, analisis ini akan mengambil kira konteks penggunaan metafora bagi menentukan maksudnya dan petunjuk kontekstual yang relevan akan dipetik dan dimasukkan dalam analisis. Ini berasaskan pendekatan Larson (1984) yang menyatakan bahawa dalam menentukan makna metafora hidup, akan kedapatan perkara-perkara yang boleh dikaitkan dengan imej metafora tersebut dalam konteks dan situasi penggunaannya. Makna metafora juga akan dikenal pasti dengan mengambil kira aspek makna mengikut definisi Larson yang menyatakan bahawa makna merangkumi leksikon, struktur gramatis, situasi komunikasi dan juga konteks budaya sesuatu unit terjemahan. Bagi metafora mati aspek makna metafora bahasa sumber akan ditentukan melalui rujukan ke atas kamus atau kamus simpulan bahasa, perumpamaan atau peribahasa Melayu. Apabila makna metafora bahasa sumber dapat dicapai, perbandingan secara pemetaan sama ada pada peringkat leksikal atau melebihi peringkat leksikal akan dibuat dengan makna metafora yang telah diterjemah ke bahasa sasaran.

Makna metafora bahasa sasaran pula akan dianalisis dengan kaedah yang sama tetapi menggunakan struktur dan makna metafora bahasa sumber sebagai kayu ukur. Setelah makna metafora bahasa sasaran dapat dikenal pasti, perbandingan akan dibuat untuk menganalisis sama ada makna metafora bahasa sumber selaras dengan metafora

bahasa sasaran. Istilah selaras bermaksud 'sepadan' atau 'sesuai' berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002: 768). Dalam konteks kajian ini istilah selaras digunakan untuk menerangkan aspek pemindahan makna daripada metafora bahasa sumber kepada metafora bahasa sasaran. Namun begitu, aspek pemindahan makna akan diperhalusi dalam kaedah seterusnya.

1.7.5 Menganalisis sama ada Berlaku Kehilangan Makna ke atas sesuatu Hasil Terjemahan.

Bagi memperhalusi aspek pemindahan makna yang berlaku, analisis akan dilakukan bagi mengkaji sama ada berlaku kehilangan makna dalam hasil terjemahan. Bagi analisis ini, kaedah Newmark (1988) yang memperincikan kehilangan makna dalam perterjemahan akan diguna pakai. Newmark menegaskan bahawa kehilangan makna dalam teks sasaran disebabkan oleh dua keadaan iaitu terjemahan melampau dan terjemahan kurang. Terjemahan melampau bermaksud terjemahan yang berlebihan atau terlalu terperinci daripada makna perkataan dalam teks sumber. Terjemahan kurang pula bermaksud terjemahan yang lebih umum dan tidak memenuhi maksud bahasa sumber. Walau bagaimanapun bagi terjemahan yang tidak mengalami sebarang kehilangan makna, penyelidik akan mengkategorikannya sebagai terjemahan ideal. Begitu juga jika berlaku salah terjemah, terjemahan tersebut akan dikategorikan sebagai terjemahan salah.

1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan akan dapat:

- Menyumbang kepada teori dan amalan penterjemahan hasil kesusasteraan secara amnya.

- Menambahkan bilangan hasil kajian dalam bidang terjemahan khususnya dalam bidang penterjemahan metafora bahasa Melayu ke bahasa Inggeris.
- Menyumbang kepada pengkaji-pengkaji seterusnya dalam bidang kajian penterjemahan metafora daripada bahasa Melayu ke bahasa Inggeris

1.9 Batasan Kajian

Perkara-perkara berikut merupakan batasan bagi kajian yang akan dijalankan.

- Kajian ini merupakan suatu kajian kes. Data yang dikaji hanya bersumberkan dua buah teks kesusasteraan yang dipilih dan hasil terjemahan kedua duanya. Oleh itu dapatan kajian tidak akan digeneralisasikan di luar konteks kajian ini.
- Kajian ini merupakan suatu kajian kualitatif yang membincangkan secara kualitatif dan deskriptif aspek pemindahan makna dalam penterjemahan unsur metafora dalam teks-teks yang dikaji.

1.10 Organisasi Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab iaitu Bab 1 yang membincangkan aspek-aspek seperti Latar belakang Kajian, Pernyataan Masalah, Objektif Kajian, Persoalan Kajian, Kaedah kajian, Batasan Kajian, Kepentingan Kajian serta Organisasi Kajian. Dalam Bab 2, pengkaji akan membentangkan hasil tinjauan literatur yang telah dijadikan asas bagi menetapkan hala tuju kajian ini. Perbincangan dalam bab ini akan mengupas persoalan-persoalan metafora serta aspek terjemahan metafora berasaskan pandangan dan teori para sarjana yang dirujuk.

Bab 3 merupakan bab yang akan menganalisis data-data metafora hidup yang telah dipilih secara selektif serta seterusnya membincangkan hasil dapatan serta rumusan bagi

analisis yang dilakukan. Bab 4 pula merupakan bab yang akan menganalisis data-data metafora mati dan membincangkan hasil dapatan serta rumusan bagi analisis yang dilakukan.

Akhir sekali dalam Bab 5, pengkaji akan merumuskan kesimpulan bagi analisis keseluruhan kajian penterjemahan metafora hidup dan metafora mati yang telah dijalankan dalam Bab 3 dan Bab 4.

¹ Teks asal: ...producing in the receptor language the natural equivalent to the message of the source language, first in meaning and secondly in style.

² Teks asal: The rendering of a literary work, originally produced in one language, into another.

³ Teks asal: Literary translation is construed differently from "translation", which merely involves the substitution of words in a text from one language, by equivalents in another language. On the other hand, literary translation involves many levels of awareness apart from language, which in turn involves a vigilant approach, and a prudent choice of equivalents.

⁴ Teks Asal: The essence of metaphor is understanding and experiencing one kind on thing in terms of another.

⁵ Teks asal: ... a device of poetic imagination and the rhetorical flourish.

⁶ Teks Asal: Metaphors and similes are common figures of speech found in many languages. These figures of speech are comparisons.

⁷ Teks asal: By metaphor I mean any figurative expression: the transferred sense of a physical word ...;the personification of an abstract word or collocation to what it does not literally denote, i.e., to describe one thing in terms of another.

⁸ Teks Asal: ...the application to one thing of the name of another thing.

⁹ Teks Asal: But the greatest thing by far is to have a command of metaphor. This alone cannot be imparted by another; it is the mark of genius-or to make good metaphors implies an eye for resemblances .

¹⁰ Teks Asal: ...it can be difficult to grasp the thread of an abstract thought, but when the idea is described in concrete terms it comes to life.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR DAN KERANGKA TEORI

2.0 Pengenalan

Penterjemahan prosa dan novel sastera mempunyai kedudukan istimewa dalam bidang terjemahan kerana peranannya menterjemah nilai-nilai dan ciri-ciri estetik sesuatu hasil sastera. Secara umumnya seseorang yang boleh menguasai dua bahasa iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran boleh menterjemahkan sesebuah novel. Namun untuk menghasilkan sesebuah terjemahan yang bermutu dan dapat mengekalkan makna, nilai kesusasteraan serta nuansa budaya yang tersurat dan tersirat dalam teks bahasa sumber bukanlah merupakan sesuatu yang mudah.

2.1 Penterjemahan Teks Kesusasteraan

Kassuhlke (1976, dalam Goh San Seong, 2007:61) menyatakan bahawa mesej dalam karya sastera merangkumi bentuk dan isi kandungan sesuatu karya. Karya kesusasteraan yang baik menitikberatkan kedua-dua aspek. Ini menunjukkan bahawa penterjemahan hasil kesusasteraan terikat oleh kedua-dua faktor di atas iaitu, bentuk dan isi kandungan. Perkara yang menjadi cabaran utama dalam mengekalkan kedua-dua faktor di atas dalam terjemahan ialah faktor budaya. Nord (1997:42) menyatakan bahawa sesuatu teks ekspresif berorientasikan penulis atau penghantar mesej. Dalam interaksi antara budaya, perkara ini perlu diberi perhatian kerana pandangan dan sikap penghantar mesej terhadap sesuatu rujukan mungkin berbeza dengan pandangan dan sikap penerima mesej disebabkan kedua-dua pihak mempunyai sistem nilai yang berbeza. Nord memberi contoh bahawa jika di India, seseorang lelaki yang membandingkan kecantikan mata isterinya

dengan kecantikan mata seekor lembu adalah merupakan sesuatu yang mematuhi norma masyarakat namun di German perkara ini tidak akan disukai oleh wanita di sana.

Newmark (1988: 171) menyatakan bahawa permasalahan yang paling utama dalam penterjemahan novel serius ialah budaya sumber dan matlamat moral penulis terhadap pembaca. Ini termasuklah aspek-aspek seperti penterjemahan nama khas mengikut konvensi bahasa sumber serta idiolek penulis, penterjemahan dialek, kepelbagaian stail, konvensi sastera menurut zaman serta gerakan kesusasteraan dan yang akhir sekali ialah norma bahasa sumber. Pandangan ini dikongsi oleh Snell-Hornby (1988, dalam Goh San Seong, 2007:61) yang menyatakan bahawa penterjemahan karya sastera jauh lebih rumit daripada terjemahan teks lain. Ini adalah kerana masa dan latar belakang sesuatu teks sastera turut mempengaruhi kebolehterjemahannya.

Antara elemen yang paling penting dalam teks kesusasteraan, seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 1 ialah penggunaan metafora dalam penulisan. Metafora mempunyai peranan yang penting kerana selain berfungsi sebagai peranti sastera, ia juga melambangkan minda serta budaya sesuatu bangsa.

2.2 Fungsi Metafora dalam Bahasa

Menurut Lakoff (1993, dalam Ortony 1993:202) pada suatu ketika dahulu, semenjak zaman Aristotle, metafora dianggap sebagai permasalahan bahasa dan bukan perkara yang berkaitan dengan kognitif atau sistem pemikiran manusia. Penggunaan metafora adalah secara eksklusif, iaitu digunakan dalam bidang kesusasteraan atau digunakan di luar penggunaan harian.

Lakoff juga menyatakan bahawa dalam teori klasik, metafora dianggap sebagai kajian bidang kesusasteraan yang mengkaji penggunaan kata-kata dan ungkapan di luar konteks makna penggunaan biasa. Persepsi pada ketika itu juga menganggap bahawa